

**Najib Ucap Tahniah Pada Chong Wei, Pandelega  
Bernama  
17 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razaki mengucapkan tahniah kepada jaguh badminton negara Datuk Lee Chong Wei dan ratu terjun negara Pandelega Rinong yang dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan 2012.

"Tahniah kepada @Lee\_C\_Wei & @Pandelega\_R yang dipilih sebagai Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan 2012. Moga anda berdua terus berjaya," kata beliau dalam Twitter beliau Rabu.

Chong Wei dan Pandelega telah dipilih menerima anugerah itu pada majlis Anugerah Sukan Negara 2012 di sini Selasa.

Anugerah tahunan sukan negara berprestij itu menyaksikan Chong Wei menerima anugerah itu bagi kali keempat (2005, 2008 dan 2011), manakala Pandelega menerima buat kali kedua setelah menerimanya pertama kali pada 2011.

Chong Wei dan Pandelega masing-masing menerima trofi dan wang tunai RM20,000 daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942970>